

Thursday, July 28, 2022

BeritaHarian

BH f t i
www.beritaharian.sg

KEJOHANAN PENCAK SILAT SEDUNIA KE-19

Pesilat SG, Iqbal terus berjuang mara ke suku akhir

ZULAIQAH ABUL RAHIM
zulairah@sph.com.sg
Dari Melaka

SETELAH menunggu hampir dua jam, juara bertahan dunia Muhammad Iqbal Abdul Rahman merasa lega dapat akhirnya beraksi dalam gelanggang dan memulakan kempenya dalam Kejohanan Pencak Silat Dunia 2022 dengan kemenangan.

Di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) tengahari semalam, persembahan Iqbal dinilai 9.950 mata untuk menewaskan Belouad Ayoub, Pesilat Algeria itu hanya mampu memungut 9.850 mata.

Ditemui selepas kemenangannya, Iqbal, 28 tahun, yang pada Mei lalu juga dinobatkan juara dalam Sukan SEA Hanoi, berkata:

"Ia rasa hebat dapat kembali beraksi dalam gelanggang selepas Sukan SEA... Perlawanan pertama selalunya yang paling sukar tapi saya berpuas hati dengan persembahan dan sudah berikan segalanya."

Hari pertama saingan bagi edisi ke-19 kejohanan dwitahunan itu dicemar oleh kelewatan hampir dua jam.

Perlawanan asalnya dijadual berlangsung pada 10 pagi semalam namun hanya dimulakan pada sekitar 11.45 pagi.

Difahamkan kelewatan itu disebabkan oleh salah komunikasi mengenai jadual waktu perlawanan, yang menyebabkan beberapa pasukan bagi acara tanding semalam lambat hadir bagi sesi menimbang berat badan pada sebelah pagi.

Para pesilat dikehendaki melaporkan diri di MITC pada 8 pagi untuk mengambil berat badan mereka.

Beberapa pesilat dikatakan gagal memenuhi syarat berat badan bagi acara kelas mereka dan harus disingkirkan.

Namun, keadaan itu menimbulkan rasa tidak puas hati dan menyebabkan bantahan antara pasukan dengan pegawai teknikal.

Pada sekitar 10 pagi, para penganjur juga dilihat menukar dan memperbetulkan tikar pada beberapa bahagian gelanggang.

Iqbal menambah bahawa kelewatan pada jadual perlawanan "sedikit mengganggu" rutin persiapannya.

"Saya sampai rasa lapar ketika memanaskan badan," kongsi.



TERUS BERJUANG: Iqbal (gambar) mara ke suku akhir seni tunggal putera selepas menewaskan pesilat Algeria Belouad Ayoub semalam. - Foto SIA KIAN TECK

"Sebagai atlet, kami mempunyai rutin kami sendiri dan perlu mematuinya. Tapi, secara mental, ia tidak mengganggu saya sebab sudah menjangka perkara sebegini akan berlaku ketika bersaing di luar negara."

Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Silat Singapura (Perstis) Sheik Alau'ddin Yacob Marican pula menganggap kelewatan itu sebagai "tidak boleh diterima".

"Apabila anda kata perlawanan bermula pada 10 pagi, anda harus memulakannya pada waktu ditetapkan. Ini bermakna pasukan harus melaporkan diri seawal 7 atau 8 pagi supaya mempunyai sekitar dua jam untuk membuat persiapan... Tapi, itulah lumrah menganjurkan acara," ujarnya.

Meskipun itu, Sheik yakin kejoha-

nan dapat diselesaikan pada Ahad ini, mengikut jadual asal.

Memurut beliau, pertandingan selama lima hari yang menggunakan dua arena pada masa yang sama cukup untuk mengelakkan kesesuaian 32 acara yang dipertandingkan dalam edisi kejohanan kali ini.

Seorang lagi pesilat Siti Nazurah Mohd Yusoff turut berhasil semalam.

KURANG SIAP: Para penganjur dilihat menukar dan memperbetulkan tikar pada beberapa bahagian gelanggang sekitar 10 pagi semalam, lalu waktu perlawanan dijadual bermula. - Foto BH oleh ZULAIQAH ABUL RAHIM



Beliau mara ke suku akhir acara seni tunggal puteri selepas mengalahkan warga Kazakhstan, Traize Rapi-na. Persembahan pesinggar saringan Nazurah mendapat 9.930 mata, berbanding lawannya, 9.855 mata.

Sehingga akhbar ini dicetak, Singapura turut diwakili dalam 10 lagi acara seni serta tanding putera semalam.